

مذاكرة
چندکياوان
شریعة
نوسنتامرا

۷
۲۰۱۳

Hotel Fairmont, Singapura
29 - 30 Mei 2013 | 19-20 Rejab 1434H

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

Kerangka Pengurusan dan Penentuan 'Performance Fee'

Abdul Hakim Osman

Ketua Jabatan Syariah
AmFamily Takaful Berhad (Malaysia)

Penaung



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penganjur Bersama

ISRA

الأخاديمية العالمية للبحوث الشرعية
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance



AMANA
ASSET
MANAGEMENT

Penaja Utama



Penaja



Bank Pilihan Anda



Kerangka Pengurusan dan Penentuan “Performance Fee”

Abdul Hakim Osman¹

1) Definisi dan Huraian

Performance fee atau fi/upah prestasi didefinisikan sebagai satu cabang pelaksanaan sistem upah yang memperuntukkan sebahagian dari pulangan keatas keuntungan sesuatu dana atau struktur pelaburan; kepada pengurus dana atau pelaburan; sebagai ganjaran atas prestasi positif yang ditunjukkan berteraskan pencapaian sesuatu dana atau struktur pelaburan yang diuruskan oleh pengurus tersebut.

Pelaksanaan upah prestasi dalam mod yang kedua pula mungkin sedikit berbeza dari sudut aplikasi tetapi tidak pada keberhasilannya; dimana pengurus sesuatu dana atau struktur pelaburan itu dibayar upah tetap berkala dan upah tambahan berdasarkan perubahan portfolio dan nilai dana atau pelaburan. Upah tambahan ini adalah subjektif dan boleh laras tertakluk kepada setakat mana pencapaian sesuatu dana atau pelaburan berdasarkan kerangka masa yang ditetapkan.

Menurut definisi pelaburan pula, upah prestasi adalah upah yang terhasil dari dana pelaburan (contoh yang popular: hedge fund) yang mungkin dikenakan oleh pengurus pelaburan yang menguruskan aset, dan dikira dengan merujuk kepada peningkatan dalam nilai aset bersih dana atau "NAV", yang mewakili nilai pelaburan dana. Upah prestasi digunakan secara meluas oleh pengurus pelaburan yang kebiasaannya mengenakan upah prestasi 20% daripada kenaikan NAV dana.

¹ Abdul Hakim Osman adalah Ketua Jabatan Syariah, AmFamily Takaful Berhad (Malaysia)

Sebagai contoh, seorang pelabur melanggan saham bernilai RM1,000,000 dalam dana lindung nilai. Berbanding tahun akan datang, NAV dana meningkat sebanyak 10%, menjadikan saham pelabur bernilai RM1,100,000. Peningkatan RM100,000, 20% (iaitu RM20,000) akan dibayar kepada pengurus pelaburan, sekali gus mengurangkan NAV dana dengan jumlah itu dan meninggalkan pelabur dengan saham bernilai RM1,080,000, memberi pulangan sebanyak 8% sebelum ditolak apa-apa bayaran lain.

2) Elemen-elemen utama Upah Prestasi

Merujuk kepada pernyataan definisi dan huraian berkenaan upah prestasi, terdapat tiga elemen penting yang perlu diperhalusi dalam isu upah prestasi iaitu:-

- a. Upah;
- b. Dana/pelaburan; dan
- c. Prestasi/perubahan portfolio

- a. Upah

Seksyen 2 Akta Pekerjaan 1955 telah mendefinisikan upah sebagai upah pokok dan semua pembayaran lain dengan wang tunai kepada seorang pekerja bagi kerja yang dibuat mengikut kontrak perkhidmatannya tetapi tidak termasuk:-

- i. nilai mana-mana mana-mana tempat tinggal atau bekalan apa-apa makanan, minyak, lampu atau air atau rawatan perubatan atau mana-mana kemudahan atau perkhidmatan yang diluluskan;

- ii. apa-apa caruman yang dibayar oleh majikan sendiri kepada mana-mana kumpulan wang pencen, kumpulan wang simpanan pekerja, skim pemberhentian kerja, mengurangkan pekerja, penamatan, rentikan sementara atau skim persaraan, skim jimat-cermat atau mana-mana kumpulan wang lain atau skim yang ditubuhkan untuk faedah dan kebajikan pekerja;
- iii. apa-apa elaun perjalanan atau nilai apa-apa konsesi perjalanan;
- iv. apa-apa jumlah yang kena dibayar kepada pekerja untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan khas yang diperlukan olehnya kerana jenis perkerjaannya;
- v. apa-apa ganjaran yang kena dibayar atas pemberhentian atau persaraan; atau
- vi. apa-apa bonus tahunan atau mana-mana bahagian dari apa-apa bonus tahunan.

Jika definisi upah diatas, dipakai sebagai teras dalam pemakaian konsep upah prestasi, akan wujud percanggahan berkenaan upah prestasi kerana upah tidak merangkumi caj perkhidmatan serta ganjaran yang menjadi asas kepada upah prestasi. Oleh itu, upah bagaimanakah yang boleh dikategorikan sebagai upah prestasi?

b. Dana/pelaburan

Merujuk kepada konteks kewangan Islam, penglibatan ke atas mana-mana dana atau pelaburan yang akan seterusnya berkaitan dengan upah prestasi perlulah berlandaskan kepada konteks patuh Syariah. Ini amat penting

kerana keterlibatan ke atas dana-dana dan sebarang mekanisma pelaburan boleh tergelincir sama ada sengaja atau tidak sengaja.

Dana-dana dan mana-mana mekanisma pelaburan kadangkala terbit dan terhasil dari sumber-sumber tidak patuh Syariah. Ini mungkin terjadi kepada mana-mana dana-dana dan selanjutnya melibatkan status pelaburan sesebuah organisasi. Sebagai contoh, status sesebuah kaunter berdasarkan senarai kaunter patuh Syariah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti berkemungkinan berubah dalam tempoh tertentu dan pada masa senarai baru dikeluarkan pada setiap dua kali setahun, dana-dana tersebut telah kehilangan kelayakan sebagai patuh Syariah. Ini pastinya memberi kesan kepada mana-mana pelaburan yang berkaitan dengan dana-dana tersebut.

Persoalan yang boleh dibangkitkan di sini ialah, adakah mana-mana dana yang telah hilang kelayakan sebagai dana patuh Syariah masih tertakluk kepada upah prestasi dan adakah pengurus dana-dana berkenaan masih berhak ke atas upah prestasi sekiranya dana-dana berkaitan atau mekanisma pelaburan berkaitan membuahkan keuntungan atau perubahan positif ke atas portfolio terjadi; masihkah layak upah prestasi diberikan? Bagaimanakah status upah prestasi itu sendiri; yang terhasil dari percambahan dana-dana atau mekanisma pelaburan berkaitan yang telah tidak patuh Syariah?

c. Prestasi/ perubahan portfolio

Berdasarkan kepada huraian definisi dan pelaksanaan upah prestasi di atas, prestasi positif dan perubahan portfolio positif merupakan elemen utama yang membenarkan kewujudan atau keberhasilan upah prestasi untuk diberikan kepada pengurus-pengurus dana atau pelaburan berkenaan. Bagaimana sekiranya prestasi dana-dana dan perubahan

portfolio adalah kearah negatif? Adakah pengurus-pengurus dana atau pelaburan berkenaan masih layak untuk menerima upah prestasi?

Sekiranya definisi pertama digunapakai secara terus, dimana prestasi dana-dana dan pelaburan yang terlibat adalah menjadi kayu ukur bagi melayakkan penghasilan upah prestasi, maka status negatif adalah status yang perlu dielakkan tanpa kompromi.

Namun, sekiranya definisi upah prestasi kedua digunapakai, maka isu sama ada dana-dana atau portfolio pelaburan tersebut berada di dalam status negatif tidak memberikan kesan besar ke atas pengurus-pengurus dana atau pelaburan tersebut. Ini kerana, upah tetap berkala tetap diterima dan upah berdasarkan prestasi adalah suatu bonus dan sebagai peningkatan upah ke atas upah yang telah diterima.

3) Mekanisma Upah Prestasi

Secara umumnya, mekanisma upah prestasi boleh dikategorikan kepada dua model pengoperasian iaitu:-

- a. Sandaran ke atas pulangan Dana/Pelaburan;
 - b. Tetap dan berkala.
-
- a. Sandaran keatas Prestasi Dana/ Pelaburan

Mekanisma upah prestasi adalah bersandarkan ke atas prestasi dana/pelaburan adalah seratus peratus (100%) berlandaskan kepada pulangan ke atas dana-dana atau pun pelaburan-pelaburan yang terlibat.

Formula mudah ialah, semakin tinggi pulangan ke atas dana-dana atau pelaburan yang diuruskan oleh pengurus berkenaan, maka semakin tinggi pulangan yang diterima sebagai upah prestasi. Ada kemungkinan terdapat peruntukan untuk sejumlah tambahan upah atau bonus bergantung kepada tuannya dana atau pelabur, namun tertakluk kepada persembahan dana-dana dan pelaburan berkenaan.

b. Tetap dan berkala

Mekanisma kedua adalah upah prestasi yang tetap dan berkala. Ini adalah mekanisma yang terpakai oleh majoriti pengamal sistem kewangan; konvensional mahupun Islamik.

Mekanisma ini menerbitkan pembayaran upah prestasi secara berkala dan tetap serta tidak dipengaruhi oleh kenaikan atau kemerosotan dana atau pelaburan. Mekanisma ini lebih memihak kepada pengurus-pengurus dana; di mana kedudukan dan situasi mereka lebih terjamin.

4) Aplikasi Upah Prestasi dalam Takaful

Upah prestasi dalam model Takaful di Malaysia, banyak tertumpu kepada upah ke atas prestasi pengendali Takaful dalam mengendalikan akaun-akaun pelaburan peserta Takaful dan sebahagiannya pula tertumpu kepada upah prestasi ke atas lebihan dari dana risiko sesuatu model Takaful.

Upah prestasi berdasarkan kepada akaun-akaun pelaburan, pada kebiasaannya telah dipersetujui di dalam akad di antara para peserta dan pengendali Takaful; dimana sekiranya prestasi akaun-akaun pelaburan yang diuruskan oleh pengendali Takaful menghasilkan sejumlah keuntungan, maka pengendali akan berhak ke atas upah prestasi

berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui pada awal akad dengan para peserta.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat dua cabang upah prestasi ke atas pengendali Takaful iaitu sama ada bayaran berdasarkan prestasi dana pelaburan atau bayaran upah secara berkala. Namun, secara kritisnya, terdapat juga sesetengah pengendali Takaful yang mengambil peluang dengan menuntut kedua-dua upah prestasi sama ada berdasarkan prestasi pelaburan atau bayaran upah secara berkala.

Secara amnya, pengendali Takaful berhak untuk memperolehi sebarang upah prestasi, mengikut terma-terma yang dipersetujui dengan peserta-peserta Takaful melalui akad. Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh pengendali Takaful. Garispanduan Kerangka Pengoperasian Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), telah menyenaraikan beberapa prasyarat yang perlu dipatuhi oleh sesebuah pengendali Takaful sebelum menerima upah prestasi dari lebihan dana.

Senarai berikut merupakan prasyarat utama yang perlu diambil kira oleh sesebuah pengendali Takaful sebelum layak mengambil upah prestasi dari lebihan dana iaitu:-

- i. Upah prestasi hanya boleh diambil sekiranya bahagian lebihan untuk peserta Takaful juga dibayar atau disalurkan kepada peserta Takaful;
- ii. Jumlah upah prestasi yang diterima oleh pengendali Takaful dari lebihan dana tidak melebihi jumlah lebihan yang dibayar atau disalurkan kepada peserta Takaful;

- iii. Tidak ada baki tertunggak ke atas dana pemegang-pemegang saham pada waktu lebihan dana diputuskan; dan
- iv. Upah prestasi adalah sejajar dengan dasar-dasar pengendali Takaful terhadap pengurusan lebihan dana.

Garis panduan Kerangka Pengoperasian Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di atas adalah senarai wajib patuh oleh pengendali Takaful sebelum upah prestasi boleh dituntut. Namun, terdapat pelbagai isu berkaitan yang mungkin perlu dilihat secara ilmiah berkenaan upah prestasi dari lebihan dana ini.

5) Pengagihan Lebihan dalam Takaful dan Perkaitan dengan Upah Prestasi

Pengurusan pengagihan lebihan ke atas dana risiko adalah salah satu mekanisma pengoperasian yang amat penting dalam urusan sesebuah pengendali Takaful.

Dana risiko yang menjadi wadah ta'awuni bagi menyediakan jaminan bersama bagi risiko yang mungkin berlaku, pada kelazimannya akan mewujudkan lebihan ke atas dana tersebut. Isu utama berkenaan lebihan dana ini ialah standard pengurusan atau kerangka yang perlu dipatuhi bagi menguruskan pengagihan lebihan dana tersebut.

Berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian ke atas corak amalan pengendali-pengendali Takaful di Timur Tengah dan Malaysia, terdapat dua mekanisma yang popular dalam pengurusan agihan lebihan dana Takaful.

Mekanisma pertama melarang perkongsian lebihan dana di antara pengendali Takaful dan peserta, namun mekanisma kedua membenarkan perkongsian, berdasarkan nisbah yang berbeza mengikut garis produk yang ditawarkan.

Percanggahan pendapat ke atas kedua-dua mekanisma di atas telah mempengaruhi kedudukan upah prestasi dimana, mekanisma pertama yang melarang sepenuhnya perkongsian lebihan dana risiko, telah membataskan secara total pembayaran upah prestasi dari lebihan dana risiko. Harus diingat, ini adalah pelaksanaan mekanisma dan kaedah pengurusan urusniaga Takaful secara global dan Garispanduan Kerangka Pengoperasian Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, yang membenarkan perkongsian lebihan dari dana risiko adalah tidak terpakai disini. Maka, dari manakah pembayaran upah prestasi harus atau mungkin wujud sekiranya mekanisma ini terpakai?

Sesetengah pengendali Takaful di Malaysia, malah majoriti daripada pengendali-pengendali Takaful di Malaysia mengamalkan pengambilan lebihan dari dana risiko sebagai upah prestasi walau pada hakikatnya, tidak semua perkongsian itu dimaklumkan kepada peserta-peserta Takaful secara jelas dan terperinci.

Oleh kerana keculasan inilah, maka Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garispanduan Kerangka Pengoperasian Takaful bagi mengawal selia perkongsian lebihan dana risiko dan seterusnya kesan terhadap upah prestasi.

Namun begitu, masih terdapat sesetengah pengendali Takaful yang bukan sahaja mengenakan upah prestasi ke atas dana risiko, tetapi terdapat juga sesetengah pengendali mengenakan caj pentadbiran lebihan (“surplus administration charge”) ke atas dana risiko.

Persoalannya, adakah caj pentadbiran lebih dikira sebagai upah prestasi atau tidak? Ini kerana kedua-dua, upah prestasi dan caj pentadbiran lebih dibayar dari lebih dana risiko atau secara mudahnya, dari sumber yang sama.

Seterusnya, adakah peserta ataupun pengendali Takaful benar-benar berhak ke atas lebih dana risiko?

Apakah hujah terbaik yang boleh digunapakai untuk ‘menghalalkan’ lebih dana risiko dibahagi antara pengendali Takaful dan peserta?

Sekiranya proses sesebuah model Takaful itu diambil kira dari pembayaran sumbangan takaful, seterusnya akan berlaku proses ‘dripping’ sebahagian daripada sumbangan peserta tersebut ke dalam dana risiko. Inilah yang dikatakan konsep tabarru’ atau derma yang menjadi asas kepada keseluruhan konsep Takaful.

Seterusnya, harus diingat bahawa sumbangan yang telah disalurkan ke dalam dana risiko adalah atas alasan tabarru’/derma dan ini menjadikan pemilikan peserta ke atas sumbangan yang telah disalurkan ke dalam dana risiko hilang.

Keseluruhan sumbangan di dalam dana peserta tidak dimiliki oleh peserta lagi kerana telah dikategorikan sebagai tabung derma kesemua peserta-peserta Takaful manakala pengendali hanya bertindak sebagai pengurus dana sahaja.

Sekiranya posisi pengurus dana dijadikan hujah oleh pihak pengendali takaful untuk menerima upah prestasi, bagaimana dengan upah wakil yang diterima oleh pengendali Takaful pada permulaan proses

pengagihan sumbangan takaful bagi pengendali Takaful yang menggunakan model wakalah; dan bagaimana pula dengan upah prestasi yang diterima oleh pengendali Takaful bagi prestasi dana pelaburan peserta bagi pengendali Takaful yang menggunakan model mudharabah?

Dana risiko; di mana pemilikannya tergantung sehingga berlaku tuntutan peserta sama ada dalam bentuk kematian atau kehilangan upaya, adalah kekal statusnya. Ini juga melibatkan lebih dana yang wujud dari penutupan akaun sesebuah pengendali takaful pada akhir tahun kewangan. Sekiranya kita melihat dari sudut defisit sesebuah dana risiko, dari manakah pengendali Takaful akan mendapatkan sejumlah sumbangan untuk menampung kekurangan di dalam dana risiko? Adakah dari para peserta atau dari modal pusingan sesebuah pengendali Takaful?

Jawapan yang tepat ialah dari dana pemegang-pemegang saham sesebuah pengendali Takaful. Mengapa bukan dari para peserta yang menyertai sesebuah skim Takaful atau daripada modal pusingan sesebuah pengendali Takaful?

Peserta atau pengendali bukanlah pihak yang bertanggung jawab ke atas dana risiko, oleh itu hak ke atas sebarang lebihan dari dana risiko tidak boleh dibahagikan antara kedua-dua pihak di atas.

Manakala para pemegang saham sesebuah pengendali Takaful adalah bertanggungjawab dari segi moral dan perniagaan untuk menanggung sebarang ketidakupayaan dana risiko dalam memberikan perlindungan Takaful kepada para peserta.

Ini kerana, para pemegang saham inilah yang akan menikmati pulangan secara total setelah ditolak perbelanjaan perniagaan sesebuah pengendali takaful.

6) Kerangka Cadangan Upah Prestasi untuk Takaful

Merujuk kepada perbincangan di atas, walaupun secara ringkas, dapat dirumuskan sebuah kerangka cadangan yang boleh digunapakai secara khusus di dalam perniagaan Takaful. Kerangka yang seharusnya digunakan perlu bersandarkan kepada dua faktor utama iaitu sandaran upah prestasi adalah ke atas pelaburan dan kedua; pelaburan yang dijalankan seharusnya berada di dalam lingkungan hak milik peserta.

Kedua-dua faktor di atas akan membantu secara mudah, ke atas sesebuah pengendali Takaful bagi menguruskan dana-dana berkaitan pelaburan yang memungkinkan keberhasilan upah prestasi yang selanjutnya akan dinikmati oleh pengendali Takaful tersebut.

Seterusnya, dengan tidak mengambil faktor sama ada upah prestasi secara tetap atau boleh laras, penetapan kerangka upah prestasi harus ditumpukan kepada pelaburan-pelaburan dana yang masih dimiliki oleh peserta dan bukan tertumpu kepada dana risiko sahaja.

Tanpa prejudis kepada Garispanduan Pengoperasian Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), yang membenarkan lebihan dana risiko sebagai salah satu aplikasi pelaksanaan upah prestasi, adalah lebih wajar untuk menggunakan sumber dana yang lebih pasti dan tidak menimbulkan keraguan yang memungkinkan berlaku ketidakadilan ke atas peserta Takaful.

والله اعلم بالصواب